



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 59

25hb Mei 2006

No. 11

---

**No. 1079.**

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948  
(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948  
(Act 92)

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA  
APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Intan Shafini binti Setapa @ Mustafa menjadi Majistret Kelas Dua di dan bagi Negeri Selangor berkuat kuasa mulai 13 Februari 2006.

Bertarikh 21 Mac 2006  
[JKPTG (SEL) 100-1/7; PU.SEL.AM 0008 Jld. 3]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
*Menteri Besar Selangor*

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Court Act 1948 [Act 92], the State Authority has appointed Intan Shafini binti Setapa @ Mustafa to be a Second Class Magistrate in and for the State of Selangor with effect from 13 February 2006.

Dated 21 March 2006  
[JKPTG (SEL) 100-1/7; PU.SEL.AM 0008 Jld. 3]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
*Menteri Besar of Selangor*

**No. 1080.****AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984****NATIONAL FORESTRY ACT 1984**

ENAKMEN (PEMAKAIAN) AKTA PERHUTANAN NEGARA 1985

NATIONAL FORESTRY ACT (ADOPTION) ENACTMENT 1985

PENGELUARAN KAWASAN TANAH DARIPADA HUTAN SIMPANAN KEKAL

EXCISION OF LAND FROM PERMANENT RESERVED FOREST

Menurut seksyen 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] seperti yang diterimapakai oleh Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 [*En. 5/1985*], Pihak Berkuasa Negeri Selangor mengisyiharkan bahawa kawasan tanah yang diperihalkan dalam Jadual, dan yang adalah sebahagian daripada hutan simpanan kekal yang dikenali sebagai Hutan Simpan Ayer Itam dan diisyiharkan sedemikian melalui Pemberitahuan *Warta* No. 743 tahun 1906, tidak lagi menjadi hutan simpanan kekal mulai dari tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam *Warta*.

**JADUAL**

Daerah—Petaling. Mukim—Petaling. No. Pelan *Warta*—1389 (disimpan di pejabat Pengarah Ukur, Selangor). Kawasan dikeluarkan—Kawasan bertanda kelabu. Luas—Lebih kurang 22.26 hektar (55 ekar).

Bertarikh 16 Mei 2006  
[PHN.Sel.(S) 08/3/2 Klt.11;  
PU.Sel. Am 0162/1 Jld. 3]

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Selangor*

Pursuant to section 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*] as adopted by the National Forestry Act (Adoption) Enactment [*En. 5/1985*], the State Authority of Selangor declares that the area which is described in the Schedule, and which is part of a permanent reserved forest known as Ayer Itam Forest Reserved and declared as such vide *Gazette* Notification No. 743 of 1906 shall cease to be a permanent reserve forest with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

**SCHEDEULE**

District—Petaling. Mukim—Petaling. *Gazette* Plan No.—1389 (kept in the office of the Director of Survey, Selangor). Area excised—Area coloured in grey. Size—Approximately 22.26 hectares (55 acres).

Dated 16 May 2006  
[PHN.Sel.(S) 08/3/2 Klt.11;  
PU.Sel. Am 0162/1 Jld. 3]

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Clerk*  
*State Executive Council*  
*Selangor*

**KANUN TANAH NEGARA**  
(Akta 56 tahun 1965)

**NATIONAL LAND CODE**  
(Act 56 of 1965)

**No. 1081.**

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Intan Shafini binti Setapa @ Mustafa menjadi Penolong Pentadbir Tanah di dan bagi Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Hulu Langat, Petaling, Sepang, Hulu Selangor dan Gombak berkuat kuasa mulai 13 Februari 2006.

Bertarikh 21 Mac 2006  
[JKPTG (Sel) 100-1/7;  
PU.SEL.AM 0008 Jld.3]

DATO' RAMLI BIN MAHMUD  
*Setiausaha Kerajaan Negeri  
Selangor*

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1964 [Act 56/1965], the State Authority has appointed Intan Shafini binti Setapa @ Mustafa to be an Assistant Land Administrator in and for the District of Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Hulu Langat, Petaling, Sepang, Hulu Selangor and Gombak with effect from 13 February 2006.

Dated 21 March 2006  
[JKPTG (Sel) 100-1/7;  
PU.SEL. AM 0008 Jld.3]

DATO' RAMLI BIN MAHMUD  
*State Secretary of  
Selangor*

**No. 1082.**

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS-NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Kasbi bin Kartai Mangon yang beralamat di Lot 504, Sg. Bersin, 45400 Sekinchan, Selangor tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1 Jun 1975 hingga 1 Jun 2006 (31 tahun).

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah/Daerah Sabak Bernam, 45300 Sungai Besar, Selangor. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan diruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan perintah, tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran Dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
050615 EMR 2316	504	RM62.00	RM1,880.00	RM5,874.00	RM20.00	RM7,836.00

## TAMBAHAN

Kepada Hj. Rusni bin Dimyati yang beralamat di Lot 405, Kg. Batu 23, Sg. Nibong, 45400 Sekinchan, Selangor. Pemegang Gadai/Pemegang Pajak/Pemegang Pajak Kecil/Penyewa/Pemegang *Lien*/Pengkaveat/Pemegang Isemen/Pengusaha.

Sekiranya tuan/puan ada sebab mempercayai bahawa tuan punya bagi tanah yang dijadualkan di atas itu dan yang atasnya tuan/puan ada hak mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar berkenaan denganannya maka tuan/puan boleh mengelakkan tanah itu daripada dirampas dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah dalam tempoh yang dinyatakan itu, jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan tanah itu.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa (dengan tidak melemahkan apa-apa hak di bawah seksyen itu untuk mendakwa tuan punya itu secara terus) menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98. Kanun Tanah Negara, hak-hak istimewa bagi mendapat balik bayaran-bayaran adalah seperti berikut:

- (a) apa-apa wang yang dibayar oleh pemegang gadai hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kena dibayar kemudian daripadanya atas gadaian itu;
- (b) apa-apa wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun penyewa boleh didapatkan balik dengan memotong jumlah wang itu daripada apa-apa sewa yang ia kena membayar pada masa itu atau kemudian daripada itu kepada tuanpunya tanah itu atau kepada seseiapa yang daripadanya tanah itu dipegang; dan
- (c) seseorang pemajak, pemajak kecil atau penyewa yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau apa-apa potongan menurut seksyen itu boleh mendapat balik jumlah wang yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan sejumlah itu juga daripada jumlah bayaran sewa yang kena dibayar olehnya.

**No. 1083.**

Kepada Dahari bin Sahar yang beralamat di Lot 4215, Kampung Tengah, 45200 Sabak Bernam, Selangor tuan punya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1 Jun 1971 hingga 31 Mei 2006 (35 tahun).

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan supaya membayar di Pejabat Tanah/Daerah Sabak Bernam, 45300 Sungai Besar, Selangor. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan perintah, tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

## Mukim—Sabak.

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
050312 GM 3538	Lot 4215	RM68.00	RM2,061.70	RM5,090.30	RM20.00	RM7,240.00

Bertarikh 27 April 2006  
[PTSB 2/18/3 sj. 30]

*Pentadbir Tanah  
Sabak Bernam*

**No. 1084.**

Kepada Amenah binti Mat yang beralamat di Kampung Sungai Burong, Panchang Bedena, 45300 Sungai Besar, Selangor tuan punya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan terhutang mulai dari 1 Jun 1981 hingga 31 Mei 2006 (25 tahun).

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah/Daerah Sabak Bernam, 45300 Sungai Besar, Selangor. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

# WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

874

[25hb Mei 2006]

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengistiharkan dengan perintah, tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

### Mukim—Panchang Bedena

Jenis dan No. Hakmilik	No. *Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
050212 GM 4850	Lot 206	RM29.00	RM678.00	RM1108.70	RM20.00	RM1835.70

Bertarikh 27 April 2006  
[PTSB. 2/18/2 sj. 32]

*Pentadbir Tanah  
Sabak Bernam*

### No. 1085.

Kepada Tanda @ Ada Bin Usop yang beralamat di Parit 5 Timor, 45300 Sungai Besar, Selangor tuan punya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1 Jun 1972 hingga 31 Mei 2006 (34 tahun).

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan supaya membayar di Pejabat Tanah/Daerah Sabak Bernam, 45300 Sungai Besar, Selangor. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengistiharkan dengan perintah, tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

### Mukim—Panchang Bedena

Jenis dan No. Hakmilik	No. *Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
050214 PM 4300	Lot 21531	RM25.00	RM742.00	RM1,979.40	RM20.00	RM2,766.40

Bertarikh 27 April 2006  
[PTSB.2/18/2 sj.46]

*Pentadbir Tanah  
Sabak Bernam*

**No. 1086.**

(Seksyen 168)

**NOTIS-NOTIS MENGENAI DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik tanah tersebut telah hilang.

Mukim—Kerling dan Kuala Kalumpang. No. P.T.—297 dan 1331. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 121 dan H.S.(M) 1023. Keluasan—886.869 meter persegi dan 364 meter persegi.

Bertarikh 21 April 2006  
[PTUS 7B/24/06; PTUS 7B/25/06]

TONGAT BIN ISPANI  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Hulu Selangor*

**No. 1087.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran asal telah hilang.

Mukim—Bukit Raja. No. P.T.—1328. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 890. Luas—130.06 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2006  
[PTK 13/24/2006]

*Pentadbir Tanah  
Klang*

**No. 1088.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran asal telah hilang

Mukim—Kapar. No. P.T.—20709. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 16425. Luas—130.04 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2006  
[PTK 13/28/2006]

*Pentadbir Tanah  
Klang*

**No. 1089.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran asal telah hilang.

Mukim—Kapar. No. P.T.—20710. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 16426.  
Luas—130.04 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2006  
[PTK 13/28/2006]

*Pentadbir Tanah  
Klang*

**No. 1090.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran asal telah hilang.

Mukim—Kapar. No. P.T.—20720. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 16436.  
Luas—148.62 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2006  
[PTK 13/28/2006]

*Pentadbir Tanah  
Klang*

**No. 1091.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran asal telah hilang.

Mukim—Kapar. No. P.T.—20721. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 16437.  
Luas—148.62 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2006  
[PTK 13/28/2006]

*Pentadbir Tanah  
Klang*

**No. 1092.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperintahkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran hilang.

Bandar/Pekan/Mukim—Batu. No. P.T.—29528. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 18382. Luas—168.618 meter persegi.

Bertarikh 26 April 2006  
[PTG.No. 13/32/06]

NORDIN BIN ABDULLAH  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Gombak*

**No. 1093.**

(Seksyen 261)

## SAMAN-SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Yap Kwee Choon, yang beralamat No. 28 Jalan Wangsa 2/3, Taman Wangsa Permai, Kepong, 52200 Kuala Lumpur dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman, KM16 Jalan Rawang, 68100 Batu Caves, Selangor pada hari Selasa bertarikh 6 Jun 2006 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bandar Kepong. No. Lot/P.T.—634. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 23466. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 5902/04.

Bertarikh 2 Mei 2006  
[PTDG.15/58/06(Bk)]

NORDIN BIN ABDULLAH  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Gombak*

**No. 1094.**

Kepada Gurmeet Singh a/l Sardul Singh, yang beralamat No. 59 Jalan Bukit Indah 1/15, Taman Bukit Indah, 68000 Ampang, Selangor dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman, KM16 Jalan Rawang, 68100 Batu Caves, Selangor pada hari Selasa bertarikh 6 Jun 2006 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim—Hulu Kelang. No. Lot/P.T.—11598. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 7748. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Pendaftaran Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 6788/2001.

Bertarikh 2 Mei 2006  
[PTDG. 15/59/06 (02)]

NORDIN BIN ABDULLAH  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Gombak*

**No. 1095.**

Kepada Zailan bin Mukri, yang beralamat Lot 198, Jalan Indah 13, Kampung Indah, Selayang Baru, 68100 Batu Caves, Selangor dan/atau c/o BSN Finance Bhd. Tingkat 21, Central Plaza, 34 Jalan Sultan Ismail, P.O. Box 1313, 50800 Kuala Lumpur dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan Permohonan tersebut di Pejabat Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman, KM16 Jalan Rawang, 68100 Batu Caves, Selangor pada hari Selasa 6 Jun 2006 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

25hb Mei 2006]

879

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batu. No. Lot/P.T.—198. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 5751. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Pendaftaran Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1400/2001.

Bertarikh 2 Mei 2006  
[PTDG. 15/57/06 (01)]

NORDIN BIN ABDULLAH  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Gombak*

#### No. 1096.

Kepada Foo Poh Hwa, Foo Poh Weng dan Foo Poo Kwang yang beralamat No. 14, Jalan 21/9B, Bandar Baru Selayang, 68100 Selayang, Selangor dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman, KM16 Jalan Rawang, 68100 Batu Caves, Selangor pada hari Selasa bertarikh 20 Jun 2006 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Batu. No. Lot/P.T.—22636. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 13737. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Pendaftaran Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1516/2002.

Bertarikh 4 Mei 2006  
[PTDG. 15/60/06 (01)]

NORDIN BIN ABDULLAH  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Gombak*

#### No. 1097.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah/Tanah Sepang, dalam Negeri Selangor

DI ANTARA

PUBLIC BANK BHD.

Pemegang Gadaian

DAN

PERIMAL A/L POONGAN,

Penggadai

Kepada Perimal a/l Poongan yang beralamat di No. 18, Jalan ST. 1B/11, Taman Teratai, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan kepada saya, di bawah subseksyen 260(2), Kanun Tanah Negara, Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan tuan/puan tersebut akan diadakan pada 8.6.2006, jam 12.00 tengahari di Bilik Penolong Pegawai Daerah (pendaftaran), di Pejabat Daerah/Tanah Sepang. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bandar Baru Salak Tinggi. No. P.T.—2224. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2210. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 161/2001, Jilid 75, Folio 83, Tarikh 20-2-2001.

Bertarikh 10 Mei 2006  
[PDS(T) 6/PJ/D/49-05]

MOHAMAD NORDAN BIN HARUN  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Sepang*

#### No. 1098.

(Seksyen 257 dan 263)

#### PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nasimah binti Hj. Abd Hamid Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Selasa 30 Mei 2006 jam 11.00 pagi di Perkarangan Pejabat Daerah/Tanah Petaling, Komplek Pejabat Kerajaan Daerah Petaling, 47500 Subang Jaya, Selangor; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM220,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Dua Puluh Ribu sahaja)
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini 22 Disember 2005 adalah RM193,488.60 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sembilan Puluh Tiga Ribu Empat Ratus Lapan Puluh Lapan dan sen Enam Puluh sahaja) Public Bank Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan Sepuluh Peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) diatas (RM22,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Dua Ribu Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena di bayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 27 September 2006 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim/Petak—Sungai Buloh. No. Lot/P.T.—34125. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 9974. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 5964/03.

Bertarikh 22 Mei 2006  
[PTP 12/157/05]

NASIMAH BINTI HAJI ABD HAMID  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Petaling*

#### No. 1099.

Saya, Tongat bin Ispani Penolong Pentadbir Tanah bagi pihak Pentadbir Tanah Hulu Selangor setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual dibawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan:

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu:

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 14 Jun 2006 jam 11.15 pagi; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM49,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Sembilan Ribu sahaja)
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena bayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM100,371.02 kepada Bank Islam Malaysia Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, sejumlah wang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang telah ditetapkan di bawah perenggan 1 (b) di atas RM4,900.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ribu dan Sembilan Ratus sahaja);
  - (b) amaun penuh harga belian boleh dibayar serta-merta kepada pemegang gadaian oleh penawar yang berjaya selepas ketukan tukul;
  - (c) di mana amaun penuh harga belian tidak dibayar selepas ketukan tukul oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang tercatat dalam perenggan (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan akan dipegang sebagai deposit sehingga jumlah penuh harga belian dibayar; dan
    - (ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, jumlah yang dinyatakan dalam perenggan kecil (i) akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah kena bayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian mestilah diselesaikan pada tarikh tidak lewat daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan iaitu tidak lewat dari 11 Oktober 2006 dan tiada sebarang lanjutan masa bagi tempoh tersebut; dan
  - (e) Sekiranya baki harga belian tersebut tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit kepada pemegang gadaian akan dilucutkan dan akan dilupuskan dengan cara yang diperuntukkan di bawah seksyen 267.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kalumpang. No. P.T.—2179. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1590. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2243/2003 (1) Hakmilik sahaja.

**No. 1100.**

Saya, Tongat bin Ispani Penolong Pentadbir Tanah bagi pihak Pentadbir Tanah Hulu Selangor setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual dibawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan:

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu:

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 14 Jun 2006 jam 12.00 tengahari; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM130,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Tiga Puluh Ribu sahaja).

